

Mesyuarat Pemuaafakatan antara Jabatan Pendidikan WP Labuan dan Jabatan Pendidikan Negeri Sabah bersama-sama Polis Diraja Malaysia (PDRM)



Keningau, 22 Mei 2026 – Mesyuarat Pemuaafakatan antara Jabatan Pendidikan WP Labuan dan Jabatan Pendidikan Negeri Sabah bersama-sama Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah diadakan bertujuan:

1. Memperkukuh kerjasama strategik dalam menangani isu sahsiah dan disiplin murid di sekolah.

2. Penekanan kepada pendekatan bersepadu melibatkan pihak sekolah, ibu bapa dan agensi keselamatan dalam usaha mencegah salah laku seperti buli, seksual, ponteng sekolah dan salah laku disiplin.

3. Peranan PDRM melalui program pencegahan, ceramah kesedaran dan rondaan berkala turut diperkasakan bagi memastikan persekitaran sekolah yang selamat dan kondusif.

Hasil perbincangan turut mencadangkan pelaksanaan intervensi awal, perkongsian data serta pemantauan berterusan bagi meningkatkan keberkesanan tindakan.

Secara keseluruhannya, mesyuarat ini berjaya memperkukuh komitmen bersama ke arah melahirkan murid yang berdisiplin, beradab dan seimbang selaras dengan aspirasi pendidikan negara.

Mesyuarat ini dipengerusikan oleh YDH Datuk Jauteh bin Dikun, Pesuruhjaya Polis Sabah.

Turut hadir bersama-sama YBrs En Yahya bin Ahmad Puteh, Pengarah Pendidikan WP Labuan dan YBrs En Muddin bin Beting wakil rasmi Pengarah Pendidikan JPN Sabah.







